



Hi Tech Skill & Engineering(HTSE)

(PG0333013-M)

No Tel : 017-4744912

www.projekelektronikutara.wordpress.com

Kepada: Para Pelanggan Yang Dihormati

2 Disember 2013

Terma dan Syarat Perkhidmatan

Dibawah merupakan terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat Hi Tech Skill & Engineering (PG0333013-M).

1.Tempahan FYP/Projek

i. Setiap projek yang ditempah perlu dilaksanakan bayaran sebanyak **50%** daripada harga FYP/Projek tersebut sebagai tanda setuju pelanggan untuk pihak HTSE memulakan projek pelanggan. Apabila projek telah berjaya disiapkan pihak HTSE akan menghantar rakaman video kefungsiian kepada pelanggan . Projek yang telah siap yang tidak dituntut lebih pada 7 hari dari tarikh pihak kami Whatsapp/Emel/Call akan dikira sebagai terbatal dan pelanggan tidak boleh menuntut semula projek tersebut. Sekiranya pelanggan mempunyai masalah kewangan boleh minta pihak kami “on hold” FYP/Projek mereka.Tempoh “on hold” maksimum adalah 2~3 minggu dari tarikh projek disiapkan.

Setelah bayaran baki diterima pihak

HTSE akan poskan FYP/Projek.**Sebarang pembatalan projek tidak akan dikembalikan wang.**

Setiap FYP/Projek yang dihantar akan diuji beberapa kali bagi tanda kefungsiannya yang baik.

Antara pengujian yang dibuat pada kefungsiian litar dan pengujian pembungkusan supaya tiada sebarang kerosakan pada litar dan peralatan yang lain-lain . Pihak **HTSE tidak akan**

bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang dialami pada FYP/Projek,tetapi

sekiranya masalah yang luar biasa para pelanggan boleh menghantar semula FYP/Projek

kepada pihak kami dalam masa 3 Hari dari tarikh FYP/Projek sampai pada pelanggan. Pihak

HTSE akan melihat semula FYP/Projek yang dihantar dan sekiranya terdapat sebarang kesan

pengubahsuaian,kesan terbakar,kesan pecah/retak pihak HTSE akan memberitahu pelanggan

dan kos **membaiki dan penghantaran semula perlu ditanggung oleh pelanggan.**Kami tidak

menyediakan sebarang perkhidmatan untuk UPLOAD code APPS(.apk) file ke Goggle Play atau sewaktu dengannya.

ii. Setiap projek yang ditempah akan diberikan perkhidmatan jawab soal **PERCUMA** selama berdasarkan kos projek :

| KOS PROJEK RM | TEMPOH |
|------------------|----------|
| <RM120 | 2 Hari |
| RM121~RM300 | 2 Minggu |
| RM300~RM500 | 3 Minggu |
| RM500 dan Keatas | 4 Minggu |

Bagi projek yang melebihi tempoh dan masih ingin mendapatkan khidmat, nasihat & sebarang penambahbaikan akan dikenakan cas. Cas akan ditentukan oleh pihak HTSE berdasarkan permintaan.

iii. Setiap sebut harga projek/komponen (quotation) yang dikeluarkan sah laku **1 Minggu** dari tarikh yang dikeluarkan sahaja.

iv. Setiap projek yang diberikan sebut harga adalah dibuat dengan menggunakan **PREMADE PCB MODULES** sahaja atau donut board. Penentuan penggunaan modul dan board adalah hak HTSE. Tiada sebarang proses *etching/pcb fabrication*.

v. Para pelanggan perlu jelas memahami konsep projek berdasarkan sebut harga yang dikeluarkan HTSE sebelum melaksanakan wang deposit. Pihak HTSE akan membuat dan menyiapkan projek berdasarkan sebut harga yang dikeluarkan sahaja. **Sebarang pembatalan projek tidak akan dikembalikan wang.**

2. Tempahan Komponen (Modul, PcBoard).

Para pelanggan perlu menjelaskan bayaran penuh kepada barang yang ditempah. Pihak HTSE akan menghantar komponen mengikut permintaan anda. Setiap barang yang dijual telah pun diuji di kilang pengeluar dan pihak **HTSE tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang ketidakfungsian komponen yang dijual.**

3. Kursus Jangka Pendek

Para peserta perlu menjelaskan **50% (bayaran tempahan)** daripada harga kursus selewat-lewatnya 2 minggu sebelum tarikh kursus. Peserta yang tidak menjelaskan bayaran tempahan dianggap tidak berminat dan kursus tidak akan dijalankan pada tarikh yang dicadangkan. Sekiranya para peserta ingin menukar tarikh/membatalkan kursus, surcaj akan dikenakan **15%** dan wang tempahan dikembalikan sebanyak **35%/50% (bayaran tempahan)**.

Pihak HTSE berhak menukarkan mana-mana terma dan syarat mengikut kesesuaian .

Nota:

Kami mempunyai hak untuk menolak dan membatalkan sebarang jualan yang didapati kurang ajar, pertanyaan biadap dan tidak profesional dengan penderaan lisan / siber akan dilaporkan dan senarai hitam .

Sekian,

Pengurus Syarikat.

